

PANDUAN PENAMAAN

Ini adalah panduan pengenalan untuk membantu anda memahami kepentingan membuat penamaan untuk sijil anda bagi melindungi kepentingan orang tersayang. Panduan ini memberikan anda beberapa maklumat asas untuk membantu anda memahami proses penamaan dan manfaatnya. Penjelasan ringkas mengenai beberapa istilah teknikal yang digunakan juga disediakan untuk membantu proses pembacaan anda.

Kriteria berikut mesti dipenuhi sebelum pemilik sijil boleh mempertimbangkan untuk membuat penamaan:

1. Anda perlu menjadi pemilik sijil sebelum anda boleh membuat penamaan;
2. Penamaan boleh dinamakan bagi mana-mana sijil takaful keluarga atau kemalangan dan kesihatan dengan manfaat kematian;
3. Sijil itu hendaklah dimiliki oleh pemilik sijil yang melindungi diri sendiri; dan
4. Sijil ini tidak pernah membuat Penyerahan Hak Mutlak.

MENGAPA ANDA PERLU MEMBUAT PENAMAAN?

Tujuan memiliki perlindungan takaful adalah untuk memastikan orang yang anda sayangi dilindungi dari segi kewangan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diinginkan kepada anda. Melalui penamaan, manfaat takaful dapat diagihkan dengan lebih cepat tanpa perlu mendapatkan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian dan orang tersayang anda dapat mengakses dana dengan cepat. Anda dinasihatkan supaya memaklumkan kepada orang yang dinamakan bahawa mereka telah dinamakan untuk sijil takaful anda.

APA AKAN TERJADI JIKA TIADA PENAMAAN?

Tanpa penamaan, kami berhak untuk tidak melepaskan manfaat takaful sehingga orang tersayang anda memperoleh Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian, yang mungkin mengambil masa beberapa tahun. Manfaat takaful juga tertakluk kepada mana-mana undang-undang pembahagian yang terpakai (di mana penghutang lain boleh menuntut manfaat takaful terlebih dahulu sebelum ahli keluarga anda).

BILA ANDA PERLU MEMBUAT PENAMAAN?

- Penamaan boleh dilakukan semasa permohonan atau selepas sijil takaful dikeluarkan kepada anda.
- Anda juga boleh menukar penamaan anda pada bila-bila masa sepanjang tempoh sijil, jika perlu.
- Borang penamaan terkini yang dihantar oleh anda dan dikendalikan oleh kami akan menggantikan semua penamaan terdahulu, jika ada.

SIAPA YANG BOLEH DINAMAKAN?

- Sekiranya anda berumur 16 tahun dan ke atas, anda bebas menamakan mana-mana individu untuk menerima manfaat takaful sebagai Wasi atau benefisiari di bawah hibah bersyarat.
- Umur penama adalah terbuka tetapi jika penama belum mencapai umur 18 tahun atau tidak sempurna akal dalam kes di mana penama yang menerima manfaat takaful secara benefisial di bawah hibah bersyarat, kami akan membayar manfaat takaful kepada ibubapa penama yang tidak kompeten / penuntut yang layak / pemegang amanah awam / syarikat amanah yang dinamakan oleh anda, tertakluk kepada amaun dan syarat manfaat takaful menurut Seksyen 142 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Jadual 10 di bawah sub perenggan Bayaran kepada Orang yang Tidak Berkompeten untuk Berkontrak.
- Penamaan tersebut harus disaksikan oleh individu yang berumur 18 tahun ke atas, sempurna akal dan bukan penama anda.

BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT PENAMAAN?

Penghantaran Dalam Talian:

Langkah 1 : Log masuk ke portal *myTakaful* Customer.

Langkah 2 : Klik "Certificate Listing – General".

Langkah 3 : Pilih "Add/Amend of Nominee" dari senarai *drop-down* "Activity" untuk mengemas kini butiran penamaan.

Penghantaran Manual:

Langkah 1 : Muat turun Borang Penamaan [di sini](#).

Langkah 2 : Lengkapkan dan tandatangan Borang.

Langkah 3 : Hantar Borang ke Takaful *myCare* Center yang terdekat dengan anda.

Kami akan memproses dan mengesahkan penamaan anda dengan sewajarnya. Slip endorsemen akan dihantar ke emel anda. Sila klik [di sini](#) untuk log masuk ke portal *myTakaful* Customer untuk mendaftar dan / atau mengemas kini emel anda di bawah seksyen "Personal Profile". Sekiranya kami tidak mempunyai emel anda, sila jangkakan kelewatan untuk proses penghantaran surat. Hubungi kami segera sekiranya anda tidak menerima sebarang maklum balas daripada kami dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan penamaan anda.

PERLUKAN MAKLUMAT LANJUT ATAU BANTUAN?

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan penjelasan lanjut, sila hubungi Khidmat Pelanggan kami di 1-300 88 252 385 atau emel ke csu@takaful-malaysia.com.my.

Glosari

Benefisiari	Individu yang anda namakan untuk menerima manfaat takaful di bawah hibah bersyarat (hadiah / sumbangan) berdasarkan ke atas peratusan yang dinyatakan dalam permohonan penamaan. Anda boleh menamakan lebih daripada 1 individu sebagai benefisiari. Penama tersebut mestilah merupakan orang sebenar (bukan organisasi / persatuan) dan tidak semestinya mempunyai pertalian darah dengan anda.
Wasi	Individu yang dilantik oleh anda untuk mengurus dan mengagihkan manfaat takaful kepada pihak lain mengikut undang-undang yang berkaitan.
Perintah Probet	Dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh mahkamah untuk memberi kuasa kepada wasi yang dinamakan oleh si mati dalam wasiatnya untuk mentadbirkan harta pusakanya mengikut kehendak si mati.
Surat Kuasa Mentadbir	Dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh mahkamah kepada seseorang untuk mentadbir harta pusaka si mati yang tidak membuat wasiat .
Penama	Seseorang yang dinamakan dalam sijil takaful oleh pemilik sijil untuk menerima atau mentadbir manfaat takaful apabila pemilik sijil meninggal dunia.
Manfaat Takaful	Jumlah manfaat yang dipersetujui yang perlu dibayar di bawah sijil takaful sekiranya berlaku kematian ke atas pemilik sijil.